

Weststar Terima Kontrak RM 10 Juta Dengan JX Nippon Oil & Gas

Submitted by wartadaily on Mon, 27/07/2015 - 05:57



KUALA LUMPUR, 27 Julai - Weststar Aviation Services Sdn Bhd (WASSB) akan menggunakan helikopter Agusta Westland AW189 untuk melaksanakan perkhidmatan kontrak bernilai RM10 juta untuk JX Nippon Oil & Gas Exploration Sdn Bhd.

Helikopter canggih pertamanya itu akan terbang dari Lapangan Terbang Miri untuk mengangkut barangan dan membawa pekerja luar pesisir bagi program penggerudian eksplorasi laut dalam JX Nippon yang terletak 210 batu nautika di luar pantai Sarawak di Laut China Selatan.

Kontrak untuk tempoh tiga bulan dengan opsyen lanjutan itu diputuskan pada Oktober.

Tags:

[Weststar Aviation Services Sdn Bhd](#)